

## UNTUK MAKLUMAT LANJUT, SILA HUBUNGI:-

### Pejabat Am

Tel : 6088 320 000  
Ext : 1413/1298/1519  
Fax : 6088 320 360  
E-mail : [pejfppep@ums.edu.my](mailto:pejfppep@ums.edu.my)

## PENGENALAN

Fakulti Perniagaan, Ekonomi dan Perakaunan (FPEP) ditubuhkan pada tahun 1995 di bawah nama Sekolah Perniagaan dan Ekonomi. Aspirasi penubuhannya adalah keperluan kepada tenaga profesional dalam bidang pengurusan, perniagaan dan ekonomi. Menyedari kepentingan pembangunan modal manusia sebagai teras pembentukan negara maju seperti yang digariskan dalam Wawasan 2020, program akademik di FPEP digarap untuk menyediakan graduan berkualiti bagi mengisi keperluan terhadap pengurus, usahawan, akauntan, ahli ekonomi dan pemain industri yang berkebolehan. Di samping memenuhi keperluan Negara dan mengoptimalkan kelebihan saingan yang ada, graduan FPEP dipersiapkan untuk bersaing dalam pasaran global dengan skil teknikal dan kemahiran insaniah bertaraf antarabangsa. Seiring dengan perkembangan ekonomi dan sektor perniagaan, program pengajian FPEP yang dinamik telah berkembang menjadi sepuluh program prasiswazah yang mencakupi bidang perniagaan, ekonomi dan perakaunan. Setelah 20 tahun penubuhannya FPEP telah berjaya menghasilkan lebih dari 10,000 graduan prasiswazah dan pascasiswazah yang datang dari pelbagai negara dan kini merupakan aset penting kepada pelbagai sektor dan industri di peringkat antarabangsa. Di samping jaminan kualiti berterusan dan penandaran bertaraf antarabangsa, aktiviti penyelidikan dan khidmat masyarakat juga diperkasakan melalui jaringan kerjasama antarabangsa dengan pelbagai institusi dan organisasi. Dengan falsafah pendidikan negara yang berwawasan, dizahirkan melalui perancangan jangka panjang Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM, 2015-2025), FPEP terus berkembang dengan fokus akademik, keserjanaan dan penyelidikan berteraskan nic utama Universiti, khususnya keusahawanan dan industri hospitaliti.

## VISI

Fakulti Perniagaan, Ekonomi dan Perakaunan (FPEP) bertekad menjadi sebuah Fakulti yang inovatif bertaraf dunia selaras dengan wawasan Universiti Malaysia Sabah (UMS).

## MISI

Fakulti Perniagaan, Ekonomi dan Perakaunan (FPEP) bertekad ke arah kecemerlangan ilmiah dalam bidang perniagaan, ekonomi dan perakaunan untuk mencapai pengiktirafan antarabangsa menerusi pengajaran dan pembelajaran, penyelidikan, penerbitan, khidmat masyarakat dan keseimbangan pengkhususan ilmu. Kecemerlangan ilmiah ini juga disokong dengan penerapan keperibadian mulia, kemahiran insaniah dan kemahiran keusahawanan pelajar ke arah menghasilkan produktiviti dan kualiti yang tinggi bagi mencapai aspirasi bangsa dan Negara.

## OBJEKTIF

- Meneroka, memelihara dan memanfaatkan ilmu perniagaan, ekonomi dan perakaunan dengan berkesan untuk pembangunan Universiti, masyarakat dan negara.
- Mempertahankan kebebasan akademik, menjunjung tradisi keilmuan dan mengekalkan kerapian intelektual di kalangan komuniti FPEP dan Universiti.
- Menghasilkan graduan yang proaktif, berfikiran kreatif, kompeten, berdaya saing, beretika dan dinamik.
- Menawarkan program pengajian prasiswazah dan pascasiswazah dalam bidang perniagaan, ekonomi dan perakaunan yang mencakupi pelbagai pengkhususan dengan kualiti yang memenuhi keperluan pasaran.
- Menjalankan aktiviti penyelidikan, perundingan, khidmat masyarakat dan penerbitan ilmiah dalam bidang perniagaan, ekonomi dan perakaunan, khususnya berkaitan dengan nic Universiti, bernilai komersil serta selari dengan keperluan negara, masyarakat serta industri.
- Menjalin jaringan kerjasama dengan institusi akademik, sektor kerajaan, sektor swasta, sektor ketiga dan badan badan profesional di peringkat tempatan dan antarabangsa untuk menambah nilai, meningkatkan tahap profesionalisme serta kecemerlangan fakulti dan Universiti.
- Memupuk dan menerap nilai murni sejagat serta keterbukaan berfikir dengan penuh tanggungjawab di kalangan para sarjana, pegawai, tenaga sokongan serta warga fakulti bagi mencapai hasil kerja yang optimum, berkualiti, inovatif dan berimpak tinggi.

## HASIL PEMBELAJARAN FPEP

### OBJEKTIF

Pada akhir pengajian, graduan Fakulti Perniagaan, Ekonomi dan Perakaunan seharusnya mampu untuk:

- Membuktikan pengetahuan dan pemahaman dalam bidang pengajian yang diikuti boleh diaplikasikan dengan baik.
- Menunjukkan kemahiran penyelesaian masalah dan pemikiran kritikal dalam bidang perniagaan, perakaunan dan ekonomi.
- Bekerja secara sendiri, memimpin dan menjadi ahli kumpulan yang efektif.
- Berkomunikasi secara efektif dan mampu menguasai Bahasa Inggeris dengan baik.
- Menonjolkan profesionalisme, tingkahlaku dan amalan beretika serta mempunyai tanggungjawab sosial.
- Memberikan komitmen bagi pembelajaran sepanjang hayat dan pembangunan profesional.
- Menunjukkan kemahiran pengurusan efektif.
- Berupaya menggunakan komputer dan teknologi yang bersesuaian dengan bidang yang dipelajari secara efektif.
- Mengintegrasikan segala pengetahuan yang diperolehi, sama ada teoritikal atau praktikal bagi persediaan untuk mendapatkan kelayakan profesional.
- Mengenalpasti, menerokai dan menilai sebarang tugas dan peluang perniagaan dalam sebarang bidang berkaitan.

## PROGRAM PENGAJIAN

### HE02 PERAKAUNAN

Matlamat utama program adalah untuk memupuk akauntan yang bertanggungjawab secara universal dengan kelayakan standard antarabangsa dan kemahiran global dalam memenuhi keperluan profesion, negara, dan pasaran global. Dalam masa beberapa tahun setelah berjaya menamatkan program ini, graduan kami adalah:

- Pengamal perakaunan yang mengoptimumkan pengetahuan dan kemahiran praktikal dalam disiplin perakaunan selaras dengan keperluan profesion perakaunan global;
- Pengamal perakaunan yang menaikkan dan mempromosikan nilai, sikap dan profesionalisme melalui kemahiran dan tanggungjawab sosial;
- Pengamal perakaunan yang mengetuai dan terlibat secara inovatif dalam tugas menyelesaikan masalah merentasi disiplin melalui kerjasama berkesan dan komunikasi yang berkesan;
- Pengamal perakaunan yang bertindak secara dinamik terhadap cabaran kontemporari dengan kemahiran pengurusan dan keusahawanan melalui kemajuan teknologi dan pembangunan profesional yang berterusan.

Program ini akan melengkapkan pelajar dengan kemahiran dan pengetahuan yang diperlukan sebagai akauntan, di mana pelajar akan didedahkan kepada aspek teknikal perakaunan dan isu berkaitan dalam perniagaan global, terutamanya dalam Profesion perakaunan.

Liputan pengkhususan kursus termasuklah perakaunan kewangan, perakaunan pengurusan, audit, percukaian, sistem maklumat perakaunan, tadbir urus korporat dan etika perakaunan, kewangan dan kursus berkaitan lain. Ijazah Sarjana Muda Perakaunan dengan Ijazah Kepujian adalah ijazah perakaunan yang diiktiraf di bawah Bahagian I Jadual Pertama Akta Akauntan, 1967.

#### Prospek Kerjaya

Graduan yang mempunyai pengetahuan dan kemahiran yang luas dalam bidang perakaunan akan mampu untuk memenuhi tuntutan prospek kerjaya yang luas sama ada di sektor awam mahupun swasta. Graduan boleh meneroka bidang kerjaya berkaitan perakaunan seperti perakaunan kewangan, perakaunan pengurusan, pelaporan korporat, perbendaharaan, percukaian, analisis kewangan, analisis perniagaan, perundingan perniagaan, pengurusan risiko, pengurusan kewangan dan lain-lain. Prospek kerjaya tidak hanya terhad dalam bidang perakaunan, tetapi juga bidang kewangan serta bidang-bidang lain yang berkaitan.

### HE04 KEUSAHAWANAN

Program ini bermatlamat untuk memupuk eksekutif perniagaan berinovatif dan bertanggungjawab secara universal (berfokuskan kepada keusahawanan dan perniagaan) dalam usaha menyokong aspirasi Negara dalam meletakkan Malaysia sebagai satu hub perniagaan global. Pelajar akan didedahkan dengan pembelajaran teori dan praktikal yang melangkaui persekitaran bilik kuliah dengan harapan melahirkan graduan perniagaan holistik yang memiliki kemahiran keusahawanan yang tinggi.

## **Prospek Kerjaya**

Graduan boleh memulakan perniagaan sendiri atau menasihati mana-mana usahawan yang ingin memulakan perniagaan sendiri. Graduan juga boleh mencari peluang pekerjaan sama ada berinovasi atau dalam jawatan keusahawanan yang melibatkan skop yang luas seperti dalam kepimpinan dan berperanan membantu sebuah perusahaan sedia ada, sama ada kecil atau besar, atau mengurus usahaniaga baharu dalam sebuah organisasi besar.

## **HE05 EKONOMI PERANCANGAN DAN PEMBANGUNAN**

Program ekonomi perancangan dan pembangunan (HE05) bertujuan untuk melahirkan ahli ekonomi yang inovatif, berdaya tahan dan bertanggungjawab secara global dalam menyokong aspirasi negara untuk menjadi sebuah negara maju dan berpendapatan tinggi.

## **Prospek Kerjaya**

Melalui ilmu pengetahuan dan kemahiran yang menyeluruh dalam bidang ekonomi, para graduan program ekonomi perancangan dan pembangunan mempunyai peluang yang luas untuk menceburi kerjaya dalam kedua-dua sektor awam dan sektor swasta. Yakni. prospek kerjaya tidak terhad dalam bidang ekonomi tetapi juga berpeluang menceburi bidang perniagaan, perakaunan dan bidang-bidang lain yang berkaitan. Para graduan daripada program ini juga boleh memanfaatkan dan menggabungkan pengkhususan mereka dengan graduan daripada bidang lain untuk memulakan pelbagai bentuk perniagaan yang menyumbang kepada pembangunan sesebuah ekonomi.

## **HE06 PENGURUSAN KEWANGAN DAN PERBANKAN**

Program ini bermatlamat untuk memupuk eksekutif perniagaan berinovatif dan bertanggungjawab secara universal (berfokuskan kepada pengurusan kewangan dan perbankan) dalam usaha menyokong aspirasi Negara dalam meletakkan Malaysia sebagai satu hub perniagaan global. Pelajar akan didedahkan dengan pembelajaran teori dan praktikal yang melangkaui persekitaran bilik kuliah dengan harapan melahirkan graduan perniagaan holistik yang memiliki kemahiran dalam bidang pengurusan kewangan dan perbankan.

## **Prospek Kerjaya**

Dengan pengetahuan yang seimbang dari segi pengurusan kewangan dan perbankan, graduan boleh mencari peluang pekerjaan sama ada dari sektor awam atau swasta seperti Bank Negara, Suruhanjaya Sekuriti, Bahagian Kewangan sama ada institusi kewangan tempatan atau luar negara, bank, syarikat insurans, konsultan mahupun usahawan.

## **HE07 EKONOMI KEWANGAN**

Program ekonomi kewangan (HE07) bertujuan untuk melahirkan ahli ekonomi yang inovatif, berdaya tahan dan bertanggungjawab secara global dan menyokong aspirasi negara untuk menjadi negara maju dan berpendapatan tinggi.

## **Prospek Kerjaya**

Graduan boleh mencari pekerjaan dalam institusi kewangan seperti bank, syarikat insurans dan amanah saham, korporat kewangan, syarikat pembrokeran, syarikat konsultan kewangan dan sektor awam.

## HE08 PENGURUSAN PERHOTELAN

Program ini bermatlamat untuk memupuk eksekutif perniagaan berinovatif dan bertanggungjawab secara universal (berfokuskan kepada pengurusan perhotelan) dalam usaha menyokong aspirasi Negara dalam meletakkan Malaysia sebagai satu hub perniagaan global. Pelajar akan didedahkan dengan pembelajaran teori dan praktikal yang melangkaui persekitaran bilik kuliah dengan harapan melahirkan graduan perniagaan holistik yang memiliki kemahiran keusahawanan tinggi. Pelajar akan dilatih untuk berfikir secara kritis dalam membuat keputusan melalui aktiviti berkumpulan dan juga individu. Program ini distrukturkan untuk membantu graduan menjadi lebih kompetitif dalam bidang perhotelan. Liputan pengkhususan kursus termasuklah pengurusan pejabat hadapan, pengurusan penginapan, pengurusan makanan dan minuman, pemasaran hospitaliti, penyeliaan dalam perhotelan, operasi acara khas, pengurusan perkhidmatan perhotelan dan sistem operasi perhotelan.

### Prospek Kerjaya

Dengan pengetahuan dan kepakaran dalam bidang pengurusan perhotelan yang menjadi asas bagi pertumbuhan kerjaya yang professional dalam bidang perhotelan membolehkan graduan menjadi pekerja pilihan utama pengusaha industri hospitaliti. Pada masa yang sama, graduan boleh menjadi seorang usahawan dalam bidang hospitaliti yang mampu mempunyai daya fikir yang kritis dan mempunyai nilai tambah dan kemahiran insaniah yang tinggi.

## HE09 PERNIAGAAN ANTARABANGSA

Setelah beberapa tahun berjaya menamatkan program Graduan Ijazah Perniagaan (Perniagaan Antarabangsa) akan menjadi:

- Eksekutif perniagaan yang menggunakan ilmu dan kemahiran dalam pengurusan perniagaan dengan menerapkan isu perniagaan kontemporari.
- Eksekutif perniagaan yang menunjukkan tanggungjawab amalan etika perniagaan yang baik dalam menyertai masyarakat dan komuniti perniagaan.
- Eksekutif perniagaan yang dapat mengkomunikasikan ide perniagaan secara jelas dan memimpin pasukan kepada solusi berinovasi terhadap masalah perniagaan berkaitan.
- Eksekutif perniagaan yang mampu mengurus dan mengintegrasikan maklumat daripada pelbagai sumber di dalam memperoleh ilmu baru, pengurusan sumber dan dalam menerapkan kemahiran keusahawanan.

### Prospek Kerjaya

Graduan program ini berkelayakan dalam pelbagai kedudukan kepimpinan dan peranan lain dalam jawatan swasta, awam dan organisasi bukan berasaskan keuntungan. Graduan bersedia pelbagai industri di pelbagai negara sebagai seorang penganalisa perniagaan, generalis sumber manusia, pengurus operasi atau pakar pemasaran dan pelbagai bidang kerja yang lain.

## HE10 PEMASARAN

Program ini bertujuan untuk memupuk eksekutif perniagaan yang inovatif dan bertanggungjawab di seluruh dunia (memberi tumpuan kepada pemasaran) dalam usaha menyokong aspirasi negara dalam meletakkan Malaysia sebagai hab perniagaan global. Pelajar akan didedahkan kepada pembelajaran teoretikal dan praktikal di luar persekitaran bilik kuliah dengan harapan dapat menghasilkan graduan perniagaan holistik dengan kemahiran pemasaran yang tinggi. Program ini membangunkan pengetahuan

# FAKULTI PERNIAGAAN, EKONOMI DAN PERAKAUNAN (FPEP)

asas pelajar melalui pendedahan kepada pelbagai disiplin dalam pemasaran dan pengurusan. Matlamat ini dicapai melalui penawaran pelbagai aspek pengetahuan dalam bidang perniagaan mengikut bidang pengkhususan yang dianggap penting dalam dunia pemasaran. Bidang kepakaran termasuklah pengurusan dan pemasaran yang meliputi pengetahuan mengenai kewangan, perakaunan, pasaran, penjualan, promosi, produk, sumber manusia, budaya silang dan dasar perniagaan antarabangsa. Pelajar akan didedahkan kepada pelbagai kaedah pengajaran seperti analisis kes studi, lawatan industri dan/atau jabatan dan latihan praktikum. Penawaran program ini juga bertujuan untuk menghasilkan tenaga kerja yang berdaya saing dan inovatif serta merealisasikan keinginan untuk menghasilkan graduan cemerlang di peringkat domestik dan global.

## **Prospek Kerjaya**

Graduan akan berpeluang untuk menyumbang kepakaran pemasaran bersama organisasi di tahap global, multi nasional dan tempatan serta organisasi tidak berasaskan keuntungan. Graduan boleh menceburi bidang berkaitan pemasaran seperti perancang pemasaran, pengurus jualan, pengurus jenama, pengurus produk dan pengiklanan, pengurus peruncitan, pegawai perhubungan awam, pengurus perkhidmatan dan penyelidik pemasaran.

## **HE11 EKONOMI SUMBER MANUSIA**

Program ekonomi sumber manusia (HE11) bertujuan melahirkan ahli ekonomi yang inovatif, berdaya tahan dan bertanggungjawab secara global bagi menyokong aspirasi negara untuk menjadi negara maju dan berpendapatan tinggi.

## **Prospek Kerjaya**

Para graduan dari ekonomi sumber manusia boleh bekerja dalam pelbagai bidang di peringkat kerajaan persekutuan, negeri dan daerah. Ramai ahli ekonomi bekerja dalam syarikat dan perbadanan serta membantu organisasi memahami bagaimana keadaan ekonomi mempengaruhi operasi perniagaan. Ahli ekonomi juga bekerja dalam firma penyelidikan dan 'think tank', di mana mereka mengkaji dan menganalisa pelbagai isu ekonomi.

## **HP08 PENGURUSAN PELANCONGAN**

Program ini bermatlamat untuk memupuk eksekutif perniagaan berinovatif dan bertanggungjawab secara universal (berfokuskan kepada pengurusan pelancongan) dalam usaha menyokong aspirasi Negara dalam meletakkan Malaysia sebagai satu hub perniagaan global. Pelajar akan didedahkan dengan pembelajaran teori dan praktikal yang melangkaui persekitaran bilik kuliah dengan harapan melahirkan graduan perniagaan holistik yang memiliki kemahiran keusahawanan tinggi. Maka, graduan program ini mampu mengaplikasikan ilmu dan kemahiran yang diperlukan di dalam industri pelancongan sama ada di dalam sektor awam mahupun swasta. Di samping itu, program ini juga bermatlamat untuk melatih dan melahirkan individu yang berkemahiran peribadi (*personal skills*), berkemahiran teknikal (*technical skills*) dan berkemahiran konsepsi (*conceptual skills*) yang merupakan elemen-elemen penting bagi dunia pelancongan yang berorientasikan perkhidmatan (*service-oriented*) dan bersifat global. Program ini akan melahirkan graduan yang berpendidikan inovatif, kreatif serta berupaya memimpin industri pelancongan.

## **Prospek Kerjaya**

Graduan berpeluang menceburi bidang pengurusan pelancongan seperti konsultan pelancongan, operator pelancongan, pemasar destinasi, pengurus acara atau menjadi usahawan pelancongan.

**TENAGA PENGAJAR**

<http://www.ums.edu.my/fpep/ms/mengenai-kami/pentadbiran/kakitangan/staf-akademik/profesor>

<http://www.ums.edu.my/fpep/ms/mengenai-kami/pentadbiran/kakitangan/staf-akademik/profesor-madya>

<http://www.ums.edu.my/fpep/ms/mengenai-kami/pentadbiran/kakitangan/staf-akademik/pensyarah-kanan>

<http://www.ums.edu.my/fpep/ms/mengenai-kami/pentadbiran/kakitangan/staf-akademik/pensyarah>